

06 DEC 1998

SOROS MEMPUNYAI AGENDA HALANG PELABUR, KATA AFFIFUDDIN

JOHOR BAHRU, 6 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar hari ini berkata tindakan spekulator matawang George Soros mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan, mempunyai agenda tertentu untuk menghalang pelabur datang ke Malaysia.

Ini kerana pedagang matawang itu tidak mahu melihat Malaysia berjaya dalam menangani krisis ekonomi, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis bicara bersama rakyat anjuran Umno Bahagian Pulai di sini.

Dr Affifuddin berkata Soros juga tidak perlu campurtangan dalam urusan pentadbiran politik negara ini kerana rakyat Malaysia bijak menilai dan memilih pemimpin yang diinginkan.

"Malaysia mempunyai caranya tersendiri untuk menangani krisis ekonomi dan masalah dalaman politik. Oleh itu, berilah peluang kepada Malaysia membuktikannya," kata beliau.

Menurutnya proses pemulihan ekonomi kini berjalan lancar dan jika Malaysia berjaya, dasar itu boleh dicontohi oleh negara-negara membangun.

Dr Affifuddin berkata walaupun ada campurtangan asing seperti kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al-Gore yang menyokong gerakan "reformasi" baru-baru ini, namun indek komposit Bursa Saham Kuala Lumpur terus meningkat kepada 500 mata dan dijangka boleh mencapai 600 mata dalam masa satu atau dua minggu lagi.

Ini menunjukkan pelabur menaruh keyakinan penuh terhadap usaha yang dirancang oleh kerajaan dalam menangani krisis ekonomi, katanya.

-- BERNAMA

BH LAT RON